

Tulis draf dan karangan.

m/s 145

Cara Menjimatkan Perbelanjaan

Draf

Pelbagai cara dapat kita lakukan untuk menjimatkan perbelanjaan. Kita boleh membawa bekal makan dan minum ke sekolah. Kita tidak perlu berbelanja di kantin.

bawa bekal

kongsi kenderaan

tanam sayur sendiri

guna semula barangan terpakai



Tulis draf dan karangan.

m/s 145

Cara Menjimatkan Perbelanjaan

Selain itu, amalan berkongsi kenderaan juga dapat menjimatkan perbelanjaan. Kita boleh berkongsi kenderaan dengan jiran untuk pergi atau pulang dari sekolah. Dengan cara ini, ibu bapa kita dapat menjimatkan wang, masa dan tenaga.

Seterusnya, kita boleh juga menanam pokok sayur sendiri. Kita boleh menanam pelbagai jenis pokok sayur seperti sawi, kacang bendi, tomato dan sebagainya. Dengan cara ini, kita dapat menjimatkan perbelanjaan kerana tidak perlu membeli sayur di pasar.

Melalui amalan berjimat cermat, kita dapat membantu meringankan beban keluarga. Oleh itu, marilah kita berjimat cermat.

Di samping itu, kita boleh guna semula barangan terpakai. Barang tersebut seperti pakaian lama. Jadi, kita tidak perlu membazirkan wang untuk membeli terlalu banyak barang baharu.

Kita hendaklah berjimat cermat dalam perbelanjaan. Pelbagai cara dapat kita lakukan untuk menjimatkan perbelanjaan. Kita boleh membawa bekal makanan dan minuman ke sekolah. Kita tidak perlu berbelanja di kantin. Dengan cara ini, kita tidak perlu berbelanja di kantin. Oleh itu, wang saku kita dapat dijimatkan.

1. amalan berjimat cermat	jié jiǎn de xí guàn 节 俭 的 习 惯
2. menjimatkan perbelanjaan	jié shěng kāi xiāo 节 省 开 销
3. berbelanja	xiāo fèi 消 费
4. wang saku = duit poket = wang belanja sekolah	líng yòng qián 零 用 钱
5. berkongsi kenderaan	gòng chē 共 车
6. meringankan beban	jiǎn qīng fù dān 减 轻 负 担
7. membazirkan wang = memboros duit	làng fèi qián 浪 费 钱